



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TEMA, CIRI-CIRI DAN FUNGSI JAKU SEMA  
DAN JAKU SILUP DALAM PENGAJARAN  
BUNGAI JAKU**

**ELIZABETH JANIE ANAK SILAI**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA IBAN)  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2018**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESEAHAN PENYERAHAN TESSI/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

---

---

No. Matrik / Matric's No.:

---

Saya / I:

---

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berderjah keahlian atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat tertutup yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: \_\_\_\_\_

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampaskan surat daripada pihak berkewajibanan organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab-sebab dan tempoh laporan ini perlu diklasifikasikan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Note: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tema, ciri-ciri dan fungsi *jaku sema* dan *jaku silup* dalam pengajaran *bungai jaku*. Kajian ini memfokuskan kepada tiga objektif utama iaitu menghuraikan tema, mengenal pasti ciri-ciri dan menjelaskan fungsi *jaku sema* dan *jaku silup* dalam *bungai jaku*. Kajian ini memanfaatkan dua teori iaitu semantik dan semiotik menurut C. S. Pierce untuk merungkai objektif kajian. Pengkaji telah menggunakan tiga kaedah iaitu kaedah kepustakaan, kaedah lapangan dan kaedah pemerhatian. Kaedah lapangan dan pemerhatian telah dilakukan di beberapa buah sekolah bersama dengan pelajar sekolah menengah. Lima belas soalan berkaitan dengan ciri-ciri *jaku sema* dan *jaku silup* disediakan dan telah diisi oleh responden. Analisis deskriptif telah dimanfaatkan untuk menjawab semua soalan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat ciri-ciri *jaku sema* yang telah dikenal pasti. *Jaku sema* membandingkan keadaan dalam ungkapan dan mesej mudah difahami dengan menggunakan kata banding *asai*, *baka*, *enda* dan *munyi* (seperti, bagai dan umpama) di pangkal ayat. *Jaku silup* pula ialah ungkapan yang mempunyai erti yang bersembunyi, ia berteka-teki dan digunakan di tempat berpenghuni, untuk mengelakkan malapetaka dan kecelakaan. Dari segi persamaan, kedua-duanya merujuk kepada sesuatu yang spesifik, dan ia mempunyai maksud tertentu, menerapkan cara hidup manusia, terdiri daripada frasa-frasa figuratif serta terdiri daripada sepatuh dua perkataan sahaja. Kajian ini diharapkan dapat memberikan fahaman yang jelas kepada golongan pelajar untuk memahami mesej yang disampaikan. Implikasinya, kajian seumpama ini boleh dijadikan korpus tentang *jaku sema* dan *jaku silup* dan jumlah penyelidik yang mengkaji kepelbagaiannya aspek Bahasa Iban di Sarawak.





## THEMES, CHARACTERISTIC AND FUNCTIONS OF THE IDIOM AND EUPHEMISM ON THE LANGUAGE ARTS IN IBAN'S LANGUAGE LESSON

### ABSTRACT

This research aims to identify the themes, the characteristics of fungsi *Jaku Sema* and *Jaku Silup* in the teaching of *Bungai Jaku*. It focuses on three objectives mainly to elaborate the themes, identify the characteristics and to explain the functions of the idiom and euphemism on the language art. This research is based on context of situation in J.R Firth's semantic theory and C.S Pierce's (1865) theory of semiotic to achieve the objectives of the research. The researcher utilizes three methods which are document analyses, field work and observation. Field work had been carried out in a few secondary students. Fifteen questions regarding the characteristics of the idiom and euphemism in Iban's language art were prepared and were filled by the respondents and descriptive analysis has been utilized to answer all the research question. The results of the research show that eighteen themes, four characteristics of the idiom and five of the euphemism in Iban's language art had been identified. Idioms compare the situations in the related messages which were delivered in a most understandable way by using words such as feel, as or like, not, sound like .... (*asai*, *baka*, *enda* and *munyi*) at the beginning of the sentence. On the other hand, euphemism has a hidden, riddled meaning used to avoid disasters and accidents. Both of them refer to some specific circumstances that implies certain meanings, portraying the human lifestyles with figurative phrases and consists of one or two words only. The outcomes of this research can enhance better understanding with the regards to interpretations and analysis of the messages conveyed by the idiom and euphemisms. This research adds to the corpus of knowledge on idioms and euphemism as well as increasing the number of researchers who study the various aspects of Iban language in Sarawak.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii

### SENARAI RAJAH

## BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Soalan Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Batasan Kajian	16
1.8 Definisi Operasional	20
1.9 Kesimpulan	28



**BAB 2 SOROTAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	30
2.2 Literatur Berkaitan	32
2.2.1 Literatur Berkaitan Dalam Negara	32
2.2.2 Literatur Berkaitan Luar Negara	47
2.3 Literatur Kajian	50
2.3.1 Kajian Dalam Negara	51
2.3.2 Kajian Luar Negara	56
2.4 Kesimpulan	61



3.1 Pengenalan	62
3.2 Reka Bentuk Kajian	64
3.3 Kerangka Teoritikal	68
3.4 Kaedah Kajian	76
3.4.1 Kaedah Kepustakaan	76
3.4.2 Kaedah Lapangan	77
3.4.3 Kaedah Pemerhatian	78
3.4.4 Populasi dan Persampelan	79
3.4.5 Pengumpulan Data dan Penganalisisan	82
3.5 Kajian Rintis	86
3.6 Instrumen Kajian	91





3.7 Teori Kajian	94
3.7.1 Teori Semantik	94
3.7.2 Teori Semiotik	96
3.8 Kesimpulan	99

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	100
4.2 Dapatan kajian	102
4.2.1 Tema <i>Jaku Sema</i> dan <i>Jaku Silup</i> dalam Pengajaran <i>Bungai Jaku</i>	104
4.2.2 Ciri-ciri <i>Jaku Sema</i> dan <i>Jaku Silup</i> dalam Pengajaran <i>Bungai Jaku</i>	130
4.2.3 Fungsi <i>Jaku Sema</i> dan <i>Jaku Silup</i> dalam Pengajaran <i>Bungai Jaku</i>	169
4.3 Kesimpulan	188



## BAB 5 PERBINCANGAN

5.1 Pendahuluan	190
5.2 Perbincangan Kajian	191
5.2.1 Tema <i>Jaku Sema</i> dan <i>Jaku Silup</i> dalam Pengajaran <i>Bungai Jaku</i>	192
5.2.2 Ciri-ciri <i>Jaku Sema</i> dan <i>Jaku Silup</i> dalam Pengajaran <i>Bungai Jaku</i> .	199
5.2.3 Fungsi <i>Jaku Sema</i> dan <i>Jaku Silup</i> dalam Pengajaran <i>Bungai Jaku</i> .	207





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

X

5.3 Kesimpulan

215

## BAB 6 CADANGAN DAN KESIMPULAN

6.1 Pengenalan	218
6.2 Cadangan	219
6.3 Kesimpulan	220

## RUJUKAN

## LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.2.1.1 Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)	43
2.2.1.2 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)	45
3.5.1 Responden yang telah ditemu duga	88
3.5.1 Item-Item dalam Borang Senarai Semak (Diadaptasi daripada Keputusan Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Julita @ Norjietta Bt. Taisin (2012: 54))	90
4.2.1 Tema dalam <i>jaku sema</i> dan <i>jaku silup</i>	105
4.2.1.1 Tema: Kemanusiaan	105
4.2.1.2 Tema: Emosi	107
4.2.1.3 Tema: Nasib	108
4.2.1.4 Tema: Kesakitan	109
4.2.1.5 Tema: Keindahan Alam	110
4.2.1.6 Tema: Kemasyarakatan	112
4.2.1.7 Tema: Kekeluargaan	114
4.2.1.8 Tema: Daya Usaha	116
4.2.1.9 Tema: Perbuatan sia-sia	117
4.2.1.10 Tema: Rupa Paras	119
4.2.1.11 Tema: Keilmuan	120
4.2.1.12 Tema: Motivasi	121





4.2.1.13	Tema: Harapan	123
4.2.1.14	Tema: Teguh	124
4.2.1.15	Tema: Kepercayaan	125
4.2.1.16	Tema: Masa	126
4.2.1.17	Tema: Perilaku	127
4.2.1.18	Tema: Perhubungan	129
4.2.2.1	<i>Jaku Sema</i> dan <i>Jaku Silup</i> Membandingkan Sesuatu	131
4.2.2.2	Mesej <i>Jaku Sema</i> mudah difahami	134
4.2.2.3	<i>Jaku Sema</i> dan <i>Jaku Silup</i> Merujuk kepada Sesuatu yang Spesifik	137
4.2.2.4	<i>Jaku Silup</i> Mempunyai Erti Yang Tersembunyi	139
4.2.2.5	<i>Jaku Sema</i> dan <i>Jaku Silup</i> mempunyai maksud tertentu	142
4.2.2.6	<i>Jaku Sema</i> bermula dengan kata banding <i>asai</i> , <i>baka</i> , <i>enda</i> dan <i>munyi</i>	145
4.2.2.7	<i>Jaku Sema</i> dan <i>Jaku Silup</i> menerapkan cara hidup manusia	147
4.2.2.8	<i>Jaku Sema</i> dan <i>Jaku Silup</i> terdiri daripada frasa-frasa figuratif	150
4.2.2.9	<i>Jaku Sema</i> dan <i>Jaku Silup</i> berirama	153
4.2.2.10	<i>Jaku Sema</i> dan <i>Jaku Silup</i> terdiri daripada sepatah dua perkataan sahaja	156
4.2.2.11	<i>Jaku Silup</i> berteka-teki	158
4.2.2.12	<i>Jaku Sema</i> mudah dikenal pasti	160
4.2.2.13	<i>Jaku Silup</i> digunakan di hutan atau di tempat berpenghuni	162
4.2.2.14	<i>Jaku Silup</i> digunakan untuk mengelak daripada malapetaka	164





4.2.2.15	<i>Jaku Silup</i> dapat mengelakkan kecelakaan	167
4.2.3	Fungsi dalam <i>jaku sema</i> dan <i>jaku silup</i>	169
4.2.3.1	Fungsi: Mencerminkan Bangsa	170
4.2.3.2	Fungsi: Melahirkan Deria Rasa	171
4.2.3.3	Fungsi: Menyindir secara Sopan	172
4.2.3.4	Fungsi: Mengeratkan Silaturahim	174
4.2.3.5	Fungsi: Mengelakkan Kecelakaan	175
4.2.3.6	Fungsi: Memberi nasihat	176
4.2.3.7	Fungsi: Memberikan ransangan	177
4.2.3.8	Fungsi: Menyatakan sesuatu keadaan	178
4.2.3.9	Fungsi: Menyampaikan hasrat	179
4.2.3.10	Fungsi: Mengisahkan ciri-ciri negatif	181
4.2.3.11	Fungsi: Menampilkkan sifat	182
4.2.3.12	Fungsi: Amalan hormat-menghormati	183
4.2.3.13	Fungsi: Mendidik Masyarakat	185
4.2.3.14	Fungsi: Mengungkapkan perasaan	186
4.2.3.15	Fungsi: Aturan tingkah laku	187
5.1	Tema Dalam <i>Jaku Sema</i> dan <i>Jaku Silup</i> dalam <i>Bungai Jaku</i>	190
5.3	Tema Dalam <i>Jaku Sema</i> dan <i>Jaku Silup</i> dalam <i>Bungai Jaku</i>	204



**SENARAI RAJAH**

<b>No. Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
3.2	Diadaptasi daripada Kajian Tindakan:  F.A Mills (2000) <i>Dialectic Research Spiral</i>	65
3.3.1	Kerangka Teotorikal Kajian	69
3.3.2	Pragmatik Dalam Ayat	74
3.4.1	Prosedur Pengumpulan data	83
3.7.2	Tiga cabang utama dalam bidang semiotik	97
3.7.1	<i>Signs</i> oleh C. S Pierce	98





## SENARAI LAMPIRAN

- A Contoh Soalan *Jaku Sema* dan *Jaku Silup* dalam Temu Bual (Terjemahan dalam Bahasa Iban)
- B Contoh Senarai Semak *Jaku Sema Enggau Jaku Silup Dalam Bungai Jaku* (Terjemahan dalam Bahasa Iban)
- C Contoh Senarai Semak *Jaku Silup* dan *Jaku Sema* (Terjemahan dalam Bahasa Melayu)
- D Contoh Senarai Semak Pengajaran *Jaku Sema* Dan *Jaku Silup* Dalam *Bungai Jaku* (Terjemahan dalam Bahasa Melayu)
- E Contoh Soalan Temu Bual (Terjemahan dalam Bahasa Iban dan Bahasa Melayu)
- F Surat Permohonan Untuk Menjalankan Penyelidikan
- G Surat Kelulusan Menjalankan Penyelidikan Oleh Pejabat Pendidikan Daerah Lubok Antu
- H Penyemak Terjemahan *Jaku Sema* Dan *Jaku Silup*
- I Senarai Responden
- J Tema *Jaku Sema* dan *Jaku Silup* dalam Pengajaran *Bungai Jaku*
- K Fungsi *Jaku Sema* dan *Jaku Silup* dalam Pengajaran *Bungai Jaku*
- L Terjemahan *Jaku Sema* Yang Menggunakan Kata Banding
- M Terjemahan *Jaku Silup*





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan berkenaan dengan tajuk *Jaku Sema* (perumpamaan) dan *Jaku Silup* (eufemisme) dalam pengajaran *Bungai Jaku* bahasa Iban. Turut dibincangkan adalah proses perlaksanaan kajian sepantas lalu. Perkara utama yang dikaji ialah tema, ciri-ciri, dan fungsi *jaku sema* dan *jaku silup* dalam pengajaran *Bungai Jaku* bahasa Iban. *Bungai Jaku* ialah frasa yang bersifat kiasan dan berbunga-bunga. Susunan kata yang berbunga-bunga ini sangat indah dan sedap didengar dengan aliterasi dan asonansi. (*Ensiklopedia Bahasa Melayu*, 2008, hlm. 200). Sebagai contoh, *biar mati anak jangan mati adat*. *Jaku sema* dan *jaku silup* berfungsi seperti bidalan dan pepatah dalam masyarakat Melayu. Oleh itu, kedua-dua *jaku sema* dan *jaku silup* adalah suatu bentuk peribahasa dalam masyarakat Iban. Menurut *Kamus Dewan Edisi*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



*Keempat* (2005, hlm. 181) bidental ialah ungkapan yang sering dituturkan oleh masyarakat dan mempunyai mesej yang bersifat nasihat serta peringatan. Haji Zainal Abidin Safarwan (2002, hlm. 1403) menyatakan bahawa petitih ialah sesuatu peribahasa, lambang, perkataan yang dituturkan oleh orang-orang tua, simpulan bahasa, perumpamaan, rangkaian kata dan perbahasaan.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa Iban ialah bahasa dituturkan oleh masyarakat Iban di Sarawak sejak dahulu kala sehingga sekarang. Selain daripada bangsa Melanau, Bidayuh, Murut dan

Penan, bangsa Iban ini juga turut tergolong sebagai bumiputera di Sarawak. Dalam kajian *Leka Main: Puisi Rakyat Iban - Satu Analisis Tentang Bentuk Dan Fungsi* (Chemaline, 2006, hlm. 9), penulisnya menyatakan bahawa terdapat 23 etnik dan berpuluh-puluh lagi suku kaum pribumi termasuklah kaum Iban di negeri Sarawak. Kaum-kaum tersebut menganut pelbagai agama, kepercayaan, adat resam dan budaya serta bertutur dalam bahasa dan dialek masing-masing mengikut daerah-daerah kediaman mereka.

Buku *Raja Berani Borneo: Sejarah Raja Berani Dayak Iban* (Casper, 2014, hlm. 4) menyatakan bahawa bangsa Iban sememangnya berasal dari Pulau Borneo. Golongan Iban dianggap sebagai manusia Homo Sapien kerana hidup kira-kira 50,000 tahun dahulu. Hal ini dibuktikan melalui penemuan pertama rangka kepala manusia Homo Sapien oleh Tom Harrison kira-kira pada tahun 1954-1967 di Gua Niah, Miri





Sarawak. Rangka kepala ini juga dipercayai rangka orang Iban ataupun Sea-Dayak. Jelaslah bahawa orang Iban sememangnya telah mendiami Sarawak di Pulau Borneo lebih kurang 40,000 tahun yang lalu (Casper, 2014, hlm. 4).

Casper (2014, hlm. 5) memberikan penjelasan bahawa orang Iban mula berpindah dari Sungai Kapuas, Kalimantan Indonesia ke Barat-Laut Kalimantan pada abad ke-19. J.D Freeman (2014, hlm. 5) pula memberikan penerangan bahawa orang Iban berpindah dari Batang Lupar dan Sungai Kanyau juga pada abad ke-19 ke Sungai Lemanak, Skrang, Layar, Julau, Sungai Entabai dan Sungai Kanowit di antara tahun 1830-1840. Pada zaman pemerintah Raja Brooke, pihak pemerintahan membenarkan orang Iban untuk membuka tanah dan terus tinggal di tempat tersebut



Menurut Janang et al di dalam buku *Jaku Dalam* (2009, hlm. iii), *Jaku Sema* ialah satu *simile* atau perumpamaan. Ungkapan ini berfungsi sebagai perbandingan kepada sesuatu perkara bagi memudahkan pendengar terutamanya para pelajar memahami perkara yang diterangkan. *Jaku sema* adalah kata, frasa atau ungkapan yang mempunyai sifat berterus terang, tidak bersembunyi dan tidak berteka-teki apabila merujuk kepada sesuatu perkara. Pembaca harus tahu bahawa ungkapan ini mempunyai tiga kata banding iaitu *baka*, *munyi* dan *asai* (seperti, bagai dan umpama) atau sesuatu yang boleh dilihat, didengar dan dirasai di pangkal ungkapan *jaku sema*. Namun begitu, Satia Gerik (2009) pula mendapati bahawa *jaku sema* mempunyai empat kata banding di pangkal ayat iaitu *asai*, *baka*, *munyi* dan *enda*.





Ciri kedua ialah ianya mempunyai erti tersendiri, mendalam dan dapat diterima akal. Buku *Jaku Dalam* (Janang, 2009, hlm. 41) memberi satu contoh *jaku sema* yang menggunakan kata banding *baka* iaitu *baka ulah ukui enggau mayau* (bagai anjing dengan kucing). Ungkapan berikut juga bersinonim dengan ungkapan *fight like cat and dog*. Maksud ketiga-tiga ungkapan tadi menggambarkan dua individu yang sering bertelagah apabila bersua muka. Melalui contoh di atas, didapati bahawa *jaku sema* (perumpamaan dan idiom) menggunakan perlambangan haiwan (kucing) untuk membandingkan sifat manusia yang sering menyembunyikan kesalahannya.

Dalam *Bup Sereba Reti Jaku Iban* (2011, hlm. 1048) menyatakan *jaku sema*

sebagai perbandingan suatu situasi untuk menggambarkan ragam manusia. Misalnya, “*Enti sema nuan udah nyadi pengajar ila, anang enda ingat ngirum ka kami belanja*” *ko Silum madahka Sinda*. Maksudnya, “jika kamu sudah bekerja sebagai guru nanti, jangan lupa kirimkan belanja kepada kami” kata Silum kepada Sinda. Berdasarkan penyataan tersebut, *jika Sinda sudah menjadi seorang guru nanti* menggambarkan situasi pada masa akan datang dan *jangan lupa kirimkan belanja kepada Silum* menggambarkan tindakan pendengar apabila sudah bekerja sebagai guru nanti.

Seterusnya Buku *Sempama Jaku Iban Volium 2* (Casper, 2014, hlm. 6) menerangkan bahawa *jaku sema* saling berkait dengan *jaku sempama*. Ungkapan ini membandingkan kelakuan, perangai, ciri-ciri manusia dan cara hidup manusia serta haiwan yang hampir sama dengan sesuatu yang ingin disamakan. Dalam buku tersebut telah menyatakan bahawa *jaku sema* boleh dibahagikan kepada





dua iaitu *jaku sema selapis* dan *jaku sema dua lapis*. *Jaku sema selapis* adalah ungkapan yang mudah difahami ertiinya. Sebagai contoh *enda baka chabi baka lia, berasai pedas tekalanya* bermaksud sesiapa yang makan cili atau halia, dialah yang merasa pedasnya. *Jaku sema dua lapis* pula mempunyai makna yang berlainan daripada maksud asal perkataan. Misalnya, *baka pinang dibelah dua* yang mengibaratkan satu pasangan yang sedondon. Ungkapan tersebut juga bersinonim dengan *bagai pinang dibelah dua* atau *like a nut bought two*.

Akhir sekali ialah latar belakang *jaku silup*. Di dalam buku *Jaku Dalam* (2009, hlm. iii) oleh penulis Janang Ensiring et al telah menyatakan bahawa *jaku silup* adalah sama seperti *jaku kelaung* iaitu tidak bersifat berterus terang, tidak berklausua, tidak

bersahutan, dan hanya menggunakan sepatuh dua kata sahaja. Misalnya, *ati hari* bermaksud seseorang yang cepat berubah fikiran dan perasaan yang sukar diramal. Jika melihat ungkapan tersebut, ia hanyalah menyatakan bahawa *hari* yang mempunyai *hati* dan amat bercanggah dengan maksudnya. *Jaku silup* dan *jaku kelaung* ini digunakan untuk mengungkapkan sesuatu perkataan kepada kata-kata yang lebih sopan. Demikianlah rangkai kata bagi *jaku silup* mempunyai maksud yang berlainan dengan makna asal perkataan.

Satia Gerik (2009, hlm. 9) telah menyatakan bahawa *jaku silup* terbahagi kepada tujuh (7) bahagian bergantung kepada fungsi-fungsinya iaitu *jaku silup tangkan* (kata-kata nasihat atau pedoman supaya sentiasa berhati-hati), *jaku silup rama* (kata-kata umum), *jaku silup kelese* (kata-kata mengejek atau mempersenda), *jaku silup kelangkung* (kata-kata memuji), *jaku sirup siru* (kata-kata halus atau sopan





santun), *jaku silup peransang* (kata-kata memberi perangsang atau motivasi) dan *jaku silup sindir* (kata-kata sindiran). *Jaku silup* ini hanya menggunakan dua dan tiga perkataan sahaja untuk membina ungkapan. *Mata engkudu* bersinonim dengan mata keranjang ataupun rambang mata memberikan makna perlakuan seseorang tidak tahu membuat pilihan kerana berkenan pada semua.

Casper dalam bukunya *Sempama Jaku Iban* (2014, hlm. 4) menyatakan bahawa *jaku silup tangkan* (kata-kata pedoman atau nasihat) ialah ungkapan yang diungkapkan supaya berjaga-jaga dengan setiap tutur kata, perangai, tindakan dan perlakuan manusia bagi mengelakkan diri daripada menghadapi situasi yang buruk ataupun kecelakaan. *Jaku silup tangkan* ini sering digunakan sebagai pedoman hidup dalam masyarakat Iban. Ungkapan *bejalai ba ai* bermaksud ingin menjalankan aktiviti menjala ataupun memancing di sungai. *Jaku silup tangkan* ini sering dituturkan untuk menjawab pertanyaan orang.

Bagi masyarakat Iban, hal-hal yang berkaitan dengan aktiviti di luar rumah tidak akan disebut secara terus terang. Hal ini kerana, mereka percaya bahawa rezeki tidak akan senang diperolehi jika bermulut celupar kerana hantu berumah di bawah dagu. Beliau menjelaskan bahawa jarak antara manusia dengan makhluk halus atau hantu hanyalah setebal kulit terung. Oleh yang demikian, masyarakat percaya bahawa makhluk halus dapat mendengar setiap perkataan yang dituturkan oleh manusia.





*Jaku silup rama* (kata-kata umum) ialah ungkapan yang mempunyai maksud tersendiri dan berbeza dengan maksud asalnya. Rantaian perkataan ini dianggap sebagai nama untuk sesuatu perkara sama ada nama adat dalam masyarakat Iban, nama haiwan dan benda atau nama ukiran tatu. Sebagai contoh *balu bubut* ialah *jaku silup rama* untuk menamakan burung bubut yang mengeluarkan bunyi tanpa bersahutan pada awal pagi. (Casper, 2014, hlm. 4)

Bagi *jaku silup kelese* (kata-kata senjaan, perlian atau ejekkan) pula ialah sebuah kata yang dituturkan untuk mempersendakan dan mengejek seseorang yang mempunyai idea yang bercanggah dengan pengetahuan orang tua. *Pelanda ukui* ialah contoh bagi *jaku silup kelese* yang bermaksud seseorang yang berjalan secara tergesa-



*Jaku silup kelangkung* (kata-kata pujian atau menokok tambahkan cerita) pula ialah kata yang diungkapkan untuk melebih-lebihkan atau menambah-nambah sesuatu cerita agar menjadi lebih baik atau buruk. Contohnya, *mapa rau*. Ungkapan tersebut ialah menggambarkan seseorang yang gelogoh benar ketika makan (Casper, 2014, hlm. 4).

Selanjutnya, *jaku silup siru* (kata-kata halus, sopan dan hormat) ialah ungkapan yang digunakan untuk memberikan penghormatan, kepekaan, perhatian dan kecermatan kepada seseorang sama ada yang berpangkat tinggi atau tidak. *Keru ati* ialah *jaku silup siru* yang merujuk kepada seorang yang bersifat simpati terhadap kesusahan orang lain (Casper, 2014, hlm. 4).





Bagi *jaku silup perangsang* (kata-kata bersifat motivasi) pula ialah ujaran yang digunakan untuk memberikan dorongan, ransangan dan galakkan kepada diri sendiri ataupun orang lain. Tambahan pula, ungkapan ini digunakan untuk membina semangat berani kepada seseorang daripada terus takut untuk melakukan sesuatu perkara atau menghadapi keadaan yang rumit. Contohnya, *ai ansah* yang membawa maksud air yang digunakan untuk meningkatkan semangat dan menaikkan kesungguhan bagi seseorang yang diangkat untuk bercakap di khalayak ramai (Casper, 2014, hlm. 4).

Akhir sekali ialah *jaku silup sindir* (kata-kata sindiran) yang digunakan untuk menyindir, mengejek, mencaci dan mencela seseorang. *Bepilih mata* merupakan ungkapan yang sering digunakan untuk menyindir seseorang individu. Misalnya, ketua kampung yang memberikan hukuman secara tidak adil kepada rakyat atau kerabat di rumah panjangnya (Casper, 2014, hlm. 4).

Tegasnya, penerangan-penerangan tersebut mampu meningkatkan pengetahuan pengkaji terhadap dua aspek penting dalam pengajaran *bungai jaku* iaitu *jaku sema* dan *jaku silup*. Dengan adanya penjelasan yang padat dan ringkas, kajian ini dapat dilakukan dengan lancar dan jayanya. Walaupun banyak penyelidikan telah dilakukan kepada masyarakat Iban, namun kajian *bungai jaku* belum pernah dilakukan sehingga sekarang. Antaranya, *Faktor Campur Kod Dalam Kalangan Masyarakat Iban Di Sarawak* (Corella Anak Stephen, 2017, hlm 109) yang hanya menyelidiki faktor dominan yang mendorong situasi campur kod masyarakat Iban di Sarawak sahaja. Oleh itu, kajian *jaku sema* dan *jaku silup* dalam pengajaran *bungai*





*jaku* haruslah dijalankan untuk meningkatkan pengetahuan pembaca dalam keunikian bahasa Iban terutamanya *bungai jaku* di Sarawak.

### 1.3 Pernyataan Masalah

*Bungai jaku* dalam bahasa Iban dibahagikan kepada empat kategori iaitu *jaku sema* (perumpamaan), *jaku silup* (eufemisme), *jaku sempama* (peribahasa) dan *jaku rama* (umum). Dalam kajian ini, pengkaji menerangkan dua klasifikasi *bungai jaku* bahasa Iban sahaja secara terperinci iaitu *jaku sema* dan *jaku silup*. Namun begitu, kajian ini menjelaskan secara ringkas *jaku sempama* dan *jaku rama*, kerana kedua-dua ungkapan ini terdapat dalam pengajaran *bungai jaku* bahasa Iban. Keempat-empat bahagian ini mempunyai keunikian dan kehalusan bahasa tersendiri yang dituturkan oleh masyarakat Iban di Sarawak.

Masalah utama dalam kalangan ahli masyarakat Iban dalam konteks *bungai jaku* bahasa Iban ialah tidak memahami perbezaan antara *jaku sema* dan *jaku silup*. Hal ini kerana, pemakaian bahasa dalam sulaman komunikasi memerlukan kognitif aras tinggi untuk difahami (Nor Hashimah, 2014). Malah masyarakat Iban sendiri terutamanya generasi muda tidak dapat menggunakan dua bentuk bunga bahasa ini dalam pertuturan mereka. Pelajar sekolah tidak dapat menuliskan karangan yang bermutu kerana mempunyai masalah dalam memahami dan menggunakan gaya bahasa yang betul (Yahya Othman, 2011, hlm. 30). Para guru di sekolah mendapati bahawa pelajar-pelajar berbangsa Iban sangat tidak arif dalam aspek bahasa ini. Hal





ini selaras dengan pandangan Casper ketika ditemu bual pada Mei 2016, beliau menyatakan bahawa keunikan bahasa perlulah dibukukan supaya tidak hilang ditelan zaman. Tambahan lagi, orang-orang yang mahir dalam sastera bahasa Iban semakin kurang.

Justeru, *jaku sema* dan *jaku silup* akan diperjelaskan dalam kajian ini. Pengkaji akan menghuraikan tema, mengenal pasti ciri-ciri dan menjelaskan tema *jaku sema* dan *jaku silup* dalam pengajaran *bungai jaku*. Lebih-lebih lagi terdapat unsur-unsur alam dan aktiviti harian masyarakat Iban diselitkan dalam pembentukan *jaku sema*, *jaku silup*, *jaku sempama* dan *jaku rama*. Padanan pembentukan *jaku sema* dan *jaku silup* antara unsur alam dan rutin kehidupan kaum Iban cuba dirungkai



Pemahaman mesej yang ingin disampaikan oleh kedua-dua ungkapan juga amat berbeza. Hal ini kerana, *jaku sema* ialah ungkapan yang bersifat terus terang, tidak bersembunyi dan tidak berteka-teki apabila merujuk kepada sesuatu perkara. Sebaliknya, *jaku silup* ialah ungkapan yang bersifat tidak terus terang, berteka-teki, tidak berfrasa atau tidak bersahutan dan hanya sepatah dua kata sahaja. Oleh itu, semasa sesi pembelajaran dan pengajaran para guru dan bakal guru haruslah menerangkan terlebih dahulu maksud tersirat dan tersurat dalam peribahasa supaya maksudnya dapat dijelaskan dengan mudah (Hasmidar Hassan et al, 2016, hlm. 97).





*Jaku sema* dan *jaku silup* diajar di sekolah di Sarawak seperti mana perumpamaan dan simpulan bahasa dalam bahasa Melayu. Namun jumlah ungkapan yang tersenarai di dalam buku teks adalah sangat terhad. Malahan, wujud kebetulan pada *jaku sempama Iban* dalam maksud dan penggunaan kata dengan etnik yang lain. Nur Hafsa Kamal dalam bukunya *Kamus Simpulan Bahasa dan Peribahasa* (2013, hlm. 306) memberikan contoh seperti *pinang pulang ke tampuk* namun dalam buku *Jaku Dalam* (Janang, 2009, hlm. 244) peribahasa ini diungkapkan sebagai *pinang pulai ke ganggang; sirih pulai ke takang*. Jika pembaca tidak memahami maksud kedua-dua perkataan iaitu *ganggang* dan *takang*, maka mereka pastinya tidak akan dapat mengetahui mesej yang ingin disampaikan. Kedua-dua perumpamaan tersebut memberi makna yang sama iaitu seseorang yang pulang ke tempat asalnya ataupun



Penggunaan frasa yang sukar ialah *ganggang* dan *takang*. Ini bermakna, penggunaannya hanya sekadar mengibaratkan sesuatu, dan ini boleh menimbulkan masalah dalam pemahaman pembaca. Walau bagaimanapun, pemilihan kata demikian merupakan analogi untuk menjelaskan perkara yang berlaku. Hal demikian berlaku kerana kurangnya pendedahan penggunaan bahasa Iban di rumah bahkan di sekolah dalam meminggirkan bahasa sendiri, sehingga anak-anak mereka tidak dapat memahami ungkapan-ungkapan tertentu. Misalnya, *buah ilang-ilu, diempa parai apai, enda diempa parai indai* di dalam buku *Jaku Dalam* (2009, hlm. 67) yang menggambarkan situasi yang susah dan merbahaya. Dalam *jaku dalam* tersebut, *buah ilang-ilu* bukan merujuk secara literal sejenis buah-buahan sebaliknya, hanya melambangkan situasi atau satu keadaan yang sukar dialami. Keadaan ini





menunjukkan bahawa pelajar mempunyai masalah untuk mengenalpasti tema dan fungsi *jaku sema* dan *jaku silup*.

Wajarlah bahawa *jaku sema* dan *jaku silup* dalam pengajaran *bungai jaku* dikaji untuk mendidik masyarakat terutamanya pelajar yang mempelajari mata pelajaran Bahasa Iban. Situasi ketidakarifan dalam bahasa sendiri menyebabkan mereka kurang memahami *jaku sema* dan *jaku silup*. Penerangan yang jelas dapat meningkatkan dan memperluaskan pengetahuan masyarakat Malaysia tentang keunikan dalam bahasa Iban. Kajian ini juga boleh dibentuk dalam satu modul supaya dapat dijadikan sebagai bahan bacaan kepada pelbagai lapisan masyarakat.



mengkaji *jaku sema* dan *jaku silup*. Antara penyelidikan tersebut ialah *Faktor Campur Kod Dalam Kalangan Masyarakat Iban Di Sarawak* yang telah dikaji oleh Corella (2017, hlm 109) memfokuskan faktor dominan yang mendorong situasi campur kod masyarakat Iban di Sarawak. Seterusnya kajian Leka Main: Puisi Rakyat Iban - Satu Analisis Bentuk Dan Fungsi oleh Chemaline (2006, hlm 1). Kajian ini menganalisis puisi rakyat Iban yang dikenali sebagai leka main memberi perhatian kepada bentuk, stail dan struktur leka main dalam Bahasa Iban. Oleh itu, kajian *jaku sema* dan *jaku silup* dalam pengajaran *bungai jaku* ini haruslah dilakukan supaya pelajar dapat menghuraikan tema, mengenal pasti ciri-ciri, dan menjelaskan fungsi *jaku sema* dan *jaku silup* dengan mudah.





## 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini menjelaskan beberapa isu yang berkaitan melalui objektif kajian seperti berikut:

- 1.4.1 Menghuraikan tema *jaku sema* dan *jaku silup* dalam pengajaran *bungai jaku*.
- 1.4.2 Mengenal pasti ciri-ciri *jaku sema* dan *jaku silup* dalam pengajaran *bungai jaku*.
- 1.4.3 Menjelaskan fungsi *jaku sema* dan *jaku silup* dalam pengajaran *bungai jaku*.



## 1.5 Soalan kajian

Untuk mencapai objektif di atas, pengkaji menyenaraikan tiga soalan yang berkait rapat seperti berikut:

- 1.5.1 Bagaimanakah tema *jaku sema* dan *jaku silup* dihuraikan dalam pengajaran *bungai jaku*?
- 1.5.2 Apakah ciri-ciri *jaku sema* dan *jaku silup* dalam pengajaran *bungai jaku*?
- 1.5.3 Bagaimanakah *jaku sema* dan *jaku silup* berfungsi dalam pengajaran *bungai jaku*.





## 1.6 Kepentingan Kajian

*Jaku Sema* dan *Jaku Silup* dalam pengajaran *Bungai Jaku* Bahasa Iban adalah topik utama yang akan dirungkaikan oleh pengkaji. Dengan ini, tidak hairanlah bahawa setiap kajian mempunyai motif-motif tersendiri bagi melihat sejauh mana kajian ini boleh diguna pakai oleh pengkaji-pengkaji lain. Penyelidikan ini akan memberi tumpuan kepada tiga perkara penting iaitu mengenal pasti tema, mengenal pasti ciri dan menganalisis fungsi yang terkandung dalam *jaku sema* dan *jaku silup* melalui pengajaran *bungai jaku*.

Kajian ini penting bagi mengetengahkan keunikan sesuatu bahasa seperti

*bungai jaku* dalam bahasa Iban. Di sini kepelbagaiannya dan keunikan ungkapan bahasa Iban dirungkaikan untuk pengetahuan umum. Dalam kajian ini, menghuraikan tema, mengenal pasti ciri-ciri dan menjelaskan fungsi pada kedua-dua ungkapan *jaku sema* dan *jaku silup* adalah adalah tiga perkara utama yang diberi perhatian dalam kajian ini. Secara tidak langsung, dapatan kajian ini nanti dapat meningkatkan dan memperluaskan lagi pengetahuan pelajar lain berkaitan dengan bahasa Iban terutamanya *jaku sema* dan *jaku silup* dalam pengajaran *bungai jaku*.

Selain itu, kajian ini penting untuk meningkatkan jumlah bahan bacaan yang bersifat ilmiah dalam perkembangan Bahasa Iban di Sarawak. Secara tidak langsung, ia mampu dijadikan bahan rujukan kepada mana-mana pengkaji akan datang. Dengan ini, diharap agar kajian ini dapat menjadi garis panduan kepada semua pihak dari semasa ke semasa. Justeru, dengan adanya kajian seumpama ini boleh ia





menambahkan lagi bilangan penyelidik yang mengkaji kepelbagaiannya bahasa terutamanya bahasa Iban di Sarawak.

Di samping itu, kajian ini sangat perlu dijalankan untuk memperkenalkan bahasa dan budaya Iban di Sarawak kepada masyarakat luar yang berada di Malaysia dan seterusnya di peringkat dunia. Walaupun berada di negara yang sama, namun ramai masyarakat Malaysia masih belum mengetahui bahasa di Sarawak terutamanya bahasa Iban. Tambahan lagi, keistimewaan dan keunikannya bahasa Iban ini telah dimantapkan sebagai Bahasa Tambahan dalam sistem Pendidikan di Malaysia. Timbalan Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu anak Numpang dalam akhbar *Borneo Post* November, 21 (2015) menyatakan bahawa Bahasa Iban telah pun menjadi salah satu mata pelajaran elektif di sekolah rendah dan sekolah menengah ditbupsi negeri Sarawak.

Kajian berkaitan dengan *jaku sema* dan *jaku silup* dalam pengajaran *bungai jaku* ini dijalankan bagi membantu para pelajar untuk memahami bunga bahasa dalam bahasa Iban. Penerangan yang jelas dapat meningkatkan dan memperluaskan pengetahuan masyarakat Malaysia tentang keunikannya dalam bahasa Iban. Kajian ini juga boleh dibentuk dalam satu modul supaya dapat dijadikan sebagai bahan bacaan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Seterusnya, ia mampu menarik minat masyarakat kepada keistimewaan bahasa Iban.





## 1.7 Batasan Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada dua aspek *bungai jaku* dalam bahasa Iban iaitu *jaku sema* dan *jaku silup* dalam pengajaran *bungai jaku* dalam Bahasa Iban. Dalam bahasa Melayu, *jaku sema* dinamakan sebagai perumpamaan serta *simile* dan *metaphor* dalam bahasa Inggeris. *Jaku sema* ialah kata yang digunakan untuk membandingkan sesuatu keadaan bagi memudahkan pembaca faham terhadap perkara yang diterangkan. Tiga perkara yang dipertimbangkan ketika membuat perbandingan sesuatu keadaan iaitu perkara demikian mestilah boleh dilihat, didengar dan dirasa (Janang et al, 2009, hlm. iii). Hanya empat ratus ungkapan *jaku sema* yang menggunakan kata banding *baka*, *enda*, *munyi* dan *asai munyi* (seperti, bagai dan

umpama) dipangkal ayat digunakan sebagai data kajian.

Seterusnya, *jaku silup* pula ialah dikenali sebagai simpulan bahasa dalam bahasa Melayu tetapi satu bentuk eufemisme dalam bahasa Iban dan dalam bahasa Inggeris dianggap sebagai satu bentuk *idiom*. *Jaku silup* ialah kata yang berunsur tidak terang, bersembunyi dan ungkapan yang mungkin juga berbunga-bunga (Janang et al, 2009, hlm. iii). Bagi *jaku silup* pula, hanya seratus ungkapa sahaja diambil sebagai data kajian. Jumlah *jaku silup* tidak banyak seperti jumlah *jaku sema* adalah faktor pemilihan ungkapan yang sedikit dan menjadikan ia tidak seimbang.

Kajian ini menggunakan beberapa kaedah kajian untuk memperoleh dapatan kajian. Misalnya, kaedah lapangan dan kaedah pemerhatian. Kaedah lapangan digunakan semasa menjalankan kajian rintis untuk mencari kelemahan borang senarai





semak. Dalam menjalankan kajian lapangan, terdapat 23 orang responden ditemui bual. Kriteria yang perlu dimiliki oleh kelompok tersebut ialah mempunyai tidak kurang daripada Sijil Pelajaran Malaysia adalah populasi dalam kajian yang bakal dilakukan ini. Oleh yang demikian, pengkaji percaya bahawa responden mempunyai kearifan yang agak tinggi dalam *jaku sema* dan *jaku silup*.

Dengan pengetahuan yang sedia ada pada 23 orang responden tersebut dapat membantu pengkaji untuk mengenal pasti dan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada pada borang senarai semak. Pembaikan yang dilakukan pada borang tersebut, ia dapat melancarkan kajian pemerhatian yang dijalankan kepada para pelajar. Penerangan yang jelas diberikan berkaitan dengan tafsiran terhadap makna

ungkapan *jaku sema* dan *jaku silup* juga dapat membantu pengkaji dalam mengisi dan merungkai bab 4 iaitu dapatan kajian. Selain itu, dengan memanfaatkan Teori Semantik dalam Keperihalan Keadaan J.R Firth 1957, pengkaji mampu menghuraikan makna ungkapan-ungkapan tersebut dengan lebih teliti.

Selanjutnya, kajian pemerhatian dijalankan di empat buah sekolah yang berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji. Antaranya, Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Patinggi kredit Betong, Sekolah Menengah Kebangsaan Lubok Antu, Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili dan Sekolah Menengah Kebangsaan Simanggang. Lapan puluh pelajar akan diambil dari empat buah kelas akan dijadikan responden dalam kajian ini. Empat buah sekolah yang dipilih adalah antara sembilan buah sekolah yang mengajar Bahasa Iban di empat daerah iaitu Betong, Lubok Antu, Engkilili dan Sri Aman.





Keempat-empat buah sekolah ini dipilih kerana berhampiran dengan tempat tinggal pengkaji. Keadaan ini memudahkan pengkaji untuk menetapkan masa yang sesuai bagi menghadiri kelas Bahasa Iban bersama dengan guru mata pelajaran dan responden iaitu pelajar-pelajar. Sebagai contoh, guru di Sekolah Menengah Sri Aman yang telah memilih waktu malam untuk kelas bersama dengan pengkaji bagi mengumpul data-data penting dalam kajian ini. Tambahan pula, subjek Bahasa Iban diajar di empat buah sekolah itu. Terdapat juga sekolah-sekolah menengah yang berhampiran dengan tempat tinggal pengkaji tetapi tidak mengajar mata pelajaran tersebut seperti Kolej Vokasional Betong dan Maktab Rendah Sains Mara Betong.

Bagi teori pula, pengkaji menggunakan dua teori iaitu Teori Semantik,



(1865). Teori Semantik dalam Keperihalan Keadaan J.R Firth 1957 membantu dalam mentafsir makna frasa-frasa yang bersifat figuratif dalam kedua-dua *bungai jaku* iaitu *jaku sema* dan *jaku silup*. Di samping itu, Teori semiotik menerusi Teori Pierce (1865) digunakan dalam pemberian tema dan fungsi *jaku sema* dan *jaku silup* dalam pembelajaran *bungai jaku*.

Pengkaji menggunakan Teori Semantik dalam Keperihalan Keadaan J.R Firth 1957 untuk mentafsir makna frasa-frasa yang bersifat figuratif dalam kedua-dua *bungai jaku* iaitu *jaku sema* dan *jaku silup*. Contohnya *jaku sema, enda megai ulu belama, bisi maya megai mata* (manusia tidak selamanya memegang bahagian hulu parang, ada kalanya akan memegang mata parang juga). Ungkapan ini berunsur figuratif kerana ia tidak memberi makna tersurat sebaliknya merujuk kepada sesebuah





kehidupan yang dijalani oleh manusia. Seterusnya, ungkapan-ungkapan yang bersifat figuratif dalam *jaku silup* ialah ungkapan *lumpak* atau sesuatu yang mudah dibelah (tetapi bukan merujuk kepada kayu). Frasa ini memberikan maksud sifat seseorang yang mudah atau cepat marah. Nik Hassan (2009, hlm. 19), menyatakan bahawa semantik ialah sesuatu bidang yang sering digunakan oleh seorang guru yang mengajar untuk memperoleh penghuraian makna yang formal serta menurut keperihalannya. Dengan tafsiran makna jelas melalui Keperihalan Keadaan J.R Firth 1957, pengkaji dapat menjawab ketiga-tiga soalan kajian terhadap *jaku sema* dan *jaku silup* dalam pengajaran *bungai jaku*.

Seterusnya teori kedua yang digunakan untuk menghuraikan tema, mengenal pasti ciri-ciri dan menjelaskan fungsi *jaku sema* dan *jaku silup* ialah teori semiotik menerusi Teori Pierce (1865). Menurut Nik Hassan (2009, hlm. 25), semiotik ialah satu bidang bahasa yang mengkaji sesuatu simbol, tanda dan lambang linguistik serta lambang bukan linguistik. Keadaan ini dapat dilihat melalui *jaku sema* iaitu *baka udun* (sejenis ikan sungai) *ke udah ditunu tisik* (seperti ikan udun yang telah dibakar sisiknya). Dengan lambang *udun* (sejenis ikan sungai) yang ada pada ungkapan *jaku sema*, pengkaji mampu menerangkan makna tersirat iaitu membandingkan rupa paras manusia dengan keadaan sisik ikan yang telah dibakar bermaksud orang yang tidak kacak dan cantik. *Jaku silup, panjuk tating* (jerat rantai kapal yang diperbuat daripada timah) bermaksud menambahkan beban berat yang ditanggung atau menambahkan kesusahan yang sedang dialami oleh seseorang. Dalam ungkapan ini, rantai kapal ialah lambang yang digunakan untuk membandingkan beban berat yang ditanggung oleh seseorang.





Konklusinya, kajian ini merungkai tiga perkara penting ungkapan *jaku sema* dan *jaku silup* dalam pembelajaran *bungai jaku* dengan menggunakan kaedah-kaedah kajian dan teori-teori yang telah dijelaskan. Tiga aspek yang penting dalam kajian ini ialah menghuraikan tema, mengenal pasti ciri dan menjelaskan fungsi. Secara tidak langsung, kajian ini dapat mengatasi masalah memahami mesej yang ingin disampaikan oleh penutur.

## 1.8 Definisi Operasional

Definisi istilah dan operasional menjelaskan bahasa Iban yang digunakan dalam

konteks kajian ini iaitu cara-cara ia digunakan. Hal ini bertujuan untuk memudahkan pembaca memahami mesej yang bakal disampaikan oleh pengkaji. Justeru, tidaklah menjadi masalah bagi pengkaji untuk menggunakan istilah-istilah asal Bahasa Iban dalam penulisan ini. Oleh yang demikian, amatlah berguna definisi operasional ini dijelaskan untuk membantu para pembaca yang bukan penutur Iban untuk memahami isi kandungan dalam kajian ini.

### 1.8.1 Ciri

*Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016, hlm. 282) menyatakan bahawa ciri ialah sifat yang khusus dalam sesuatu perkara. Dalam konteks kajian ini, ciri adalah sesuatu sifat atau tanda yang terkandung dalam kedua-dua ungkapan bunga bahasa dalam





pengajaran bahasa Iban. Dengan adanya ciri-ciri sedemikian, ianya mampu membantu pelajar mengenal pasti perbezaan *jaku sema* dan *jaku silup*.

Ciri ialah satu tanda khas pada sesuatu untuk membolehkan ia diketahui dan dikenal pasti. Ciri terbahagi kepada dua iaitu persamaan dan perbezaan. Sebagai contoh, kecantikan, kekemasan, kewanitaan dan keindahan alam. (*Kamus Perwira Bahasa Melayu - Bahasa Inggeris*, 1998, hlm. 251). Dalam kajian ini, pengkaji akan melihat ciri-ciri yang ada pada *jaku sema* dan *jaku silup*.

### 1.8.2 Tema



Menurut *Kamus Melayu-Inggeris Dewan* (2012, hlm. 1562), tema ialah sesuatu perkara yang menjadi dasar perbicaraan, pokok idea atau tajuk. Contoh tema seperti *Keunikan Bahasa Dalam Sesebuah Masyarakat* adalah salah satu daripada penulisan ketika Minggu Bahasa. Oleh yang demikian, pelajar haruslah mematuhi dan perlu menghasilkan penulisan mengikut kepada tema yang telah diberikan. Seterusnya, *Glosari Terminologi Litaricha Iban* (hlm. 57) menyatakan bahawa tema ialah sesuatu perkara yang menjadi pokok perbicaraan dalam sebuah cerita.

Selain itu, Abdul Rozak Zaidin et al dalam buku, *Kamus Istilah Sastra* (1994, hlm. 204) mendefinisikan tema sebagai satu idea dan buah fikiran yang utama di dalam sebuah penulisan sastera yang dapat ditafsirkan dalam sesebuah pernyataan. *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1996, hlm. 1404) menyatakan tema ialah tajuk sebagai





topik utama perbicaraan, wacana, karangan dan sesebuah cerita. Satu lagi contoh tema ialah *Amanah Asas Kejayaan* diasaskan ketika Hari Kebangsaan 1984. Dalam kajian ini, tema adalah sesuatu perkara yang penting untuk dikupas dalam sesebuah perbicaraan antara beberapa individu. Penyampaian idea yang bernas dapat disampaikan dengan jelas dan muktahir.

### 1.8.3 Fungsi

*Kamus Pelajar Bahasa Malaysia Edisi Kedua* (2008,hlm. 220), fungsi ialah angkubah yang mengandungi nilai, mutu atau kualiti dan nilai tersebut berkait rapat dengan nilai

angkubah yang lain. Misalnya, *baka pisa nganti muntas* dan *bagai api dalam sekam* bermaksud seseorang yang berdendam dan menunggu masa untuk bergaduh. Kedua-dua angkubah ini menggunakan *pisa* dan *api* untuk membandingkan dendam yang dialami oleh seseorang dalam kehidupan sebenar manusia. Jelaslah bahawa ia berfungsi sebagai alat untuk menyindir seseorang individu secara sopan.

*Kamus Besar Utusan Bahasa Malaysia* (2002, hlm. 481), menjelaskan maksud fungsi sebagai peranan atau kegunaan sesebuah angkubah untuk merujuk kepada sesuatu yang ingin dimaksudkan. Dalam konteks kajian ini, fungsi ialah nilai sesuatu yang ingin diterangkan melalui *jaku sema* dan *jaku silup* dalam pengajaran *bungai jaku*. Seterusnya, *Kamus Kesusastraan* (2015, hlm. 114-115) menerangkan bahawa konsep fungsi ini bersifat generatif dan mewujudkan nahu naratif untuk menerangkan sesebuah cerita.





Selain itu, *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (199, hlm. 356) memberikan maksud fungsi sebagai sesuatu tugas dalam sesebuah aspek. Fungsi juga merujuk kepada peranan sesuatu bahasa yang disampaikan oleh penutur kepada pendengar. Sebagai contoh pepatah yang dipetik daripada *Kamus Pepatah, Bidalan dan Perumpamaan* (Ainon et al, 2006, hlm. vii) iaitu ringan sama dijinjing, berat sama dipikul; ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni yang berfungsi sebagai kata-kata semangat untuk sesebuah kumpulan.

#### 1.8.4 *Jaku Sema*



Janang et al dikatakan dalam buku *Jaku Dalam* (2009, hlm. iii) menyatakan *Jaku Sema* ialah ungkapan yang digunakan untuk membandingkan sesuatu keadaan bagi memudahkan pembaca faham terhadap perkara yang diterangkan. *Jaku sema* ialah kata yang mempunyai sifat berterus terang tidak bersembunyi dan tidak berteka-teki apabila merujuk sesuatu perkara. Terdapat beberapa ciri yang harus diketahui oleh pembaca bagi mengenal pasti *jaku sema*, iaitu membawa kata banding *baka*, *munyi* dan *asai* atau sesuatu yang boleh dilihat, didengar dan dirasai di pangkal ungkapan *jaku sema*. Ciri kedua ialah ia memberi erti yang tersendiri, mendalam dan dapat diterima akal. Buku *JakuDalam* (Janang, 2009, hlm. 41) memberi satu contoh *jaku sema* yang menggunakan kata banding *baka* iaitu *baka ulah ukui enggau mayau sama seperti bagai anjing dengan kucing*. Ungkapan berikut adalah sinonim dengan ungkapan *fight like cat and dog*.





Buku *Bup Sereba Reti Jaku Iban* (2011, hlm. 1048) mendefinisikan *sema* sebagai perbandingan suatu situasi untuk menggambarkan ragam manusia. Contoh bagi *jaku sema* ialah “*Enti sema nuan udah nyamai ila, anang enda ngirum ke kami duit*”, *ko indai madah ngagai Lynne*. Maksudnya, “jika kamu sudah senang nanti, jangan lupa kirimkan kami duit”, kata ibu kepada Lynne. Berdasarkan penyataan tersebut, jika kamu sudah senang nanti menggambarkan situasi pada masa akan datang dan jangan lupa kirimkan kami duit menggambarkan ragam anaknya apabila sudah senang nanti.

### 1.8.5 *Jaku Silup*



Menurut buku *Jaku Dalam* yang ditulis oleh Janang et al (2009, hlm. iii) menyatakan bahawa *Jaku Silup* ialah kata yang tidak bersifat berterus terang. *Jaku Silup* juga sering disebut sebagai *Jaku Kelaung*. Ia bersifat tidak berklausula, tidak bersahutan, dan hanya menggunakan sepatah dua kata sahaja. Ujaran ini sering digunakan di tempat berpenghuni atau berhantu seperti hutan dan tempat yang masih dilanda bencana dipanggil *menua kudi*. Ungkapan ini dituturkan bagi mengelakkan diri daripada ditimpa sebarang masalah. Misalnya, *jelu ai* merujuk kepada binatang reptilia di dalam air yang membawa maksud *buaya*.

Masyarakat Iban percaya bahawa hantu berumah di bawah dagu dan akan mengganggu serta mendengar setiap kata yang dituturkan. Oleh sebab itu, masyarakat Iban perlu berjaga-jaga dari segi tutur kata apabila berinteraksi dengan pihak kedua.





Dengan itu, mereka menggunakan *jaku silup* bagi mengelakkan diganggu oleh makhluk halus atau hantu tersebut. Casper dalam bukunya *Sempama Jaku Iban (Iban Metaphor)* (2010, hlm. a2) memberikan penjelasan bahawa jarak antara makhluk halus atau hantu dengan manusia hanyalah setebal kulit terung. Demikianlah makhluk halus mendengar setiap perkataan yang dituturkan oleh manusia. Dengan itu, manusia menggunakan *jaku silup* untuk memaklumkan tujuan perjalanan dan aktiviti seharian mereka bagi mengelakkan perbualan didengari oleh makhluk halus atau hantu.

Selain itu, penutur akan menggunakan *jaku silup* bagi mengelakkan perselisihan faham antara kedua-dua belah pihak. Ujaran ini mempunyai makna tersirat dan mampu difahami oleh pendengar. Sebagai contoh, *buai batu* yang bermaksud terlupa akan janji atau sudah lama tidak menziarahi. Ungkapan ini sering dituturkan untuk menjaga hati sebelah pihak yang ingin diperkatakan.

Satia Gerik (2009) telah menjelaskan bahawa *jaku silup* terbahagi kepada tujuh (7) bahagian iaitu *jaku silup tangkan*, *jaku silup rama*, *jaku silup kelese*, *jaku silup kelangkung*, *jaku sirup siru*, *jaku silup peransang* dan *jaku silup sindir*. *Jaku silup* hanya menggunakan dua dan tiga perkataan sahaja untuk membina sebuah rangkai perkataan. *Betubuh bisi* bersinonim dengan berbadan dua memberikan makna bahawa seorang isteri yang sedang mengandung. Casper dalam bukunya *Sempama Jaku Iban* (2014, hlm. 4) menyatakan bahawa *jaku silup tangkan* ialah ungkapan yang dituturkan untuk menjaga setiap tingkah laku, perangai, ragam dan perlakuan manusia bagi menghindarkan diri daripada kesusahan dan kecelakaan.





*Jaku silup rama* ialah rantaian kata yang mempunyai maksud tersendiri yang sering dituturkan oleh masyarakat Iban. *Jaku silup kelese* pula ialah sebuah kata yang digunakan untuk mempermaining seseorang yang sering menyangkal buah fikiran atau idea orang tua. Seterusnya, *jaku silup kelangkung* ialah kata yang digunakan untuk melebih-lebihkan dan menambah-nambahkan sesuatu cerita menjadi lebih baik atau buruk seperti *banggar mati* yang bermaksud seseorang yang sering membuat pembohongan yang keterlaluan (Casper, 2014, hlm. 4).

*Jaku silup siru* ialah ungkapan yang digunakan untuk memberikan penghormatan, kepekaan, kewaspadaan dan kecermatan kepada seseorang sama ada yang berpangkat tinggi atau tidak. *Lengayun enggau lengayan* ialah *jaku silup siru* yang merujuk kepada seorang gadis dan seorang pemuda. *Jaku silup perangsang* ialah

rangkai kata untuk memberi dorongan, ransangan dan galakkan kepada diri sendiri ataupun orang lain. Tambahan pula, ungkapan ini digunakan untuk memberanikan seseorang daripada terus takut. *Jaku silup sindir* yang digunakan untuk sindiran dan mencela seseorang. *Makai buah emperingat* ialah ungkapan yang digunakan untuk mengejek individu yang mudah marah dan meradang (Casper, 2014, hlm. 4).

### 1.8.6 *Bungai Jaku*

Janang et al (2009, hlm. 77) telah memberikan makna *bungai jaku* sebagai kata-kata yang sering disebut-sebut untuk mencantikkan idea atau buah fikiran yang disampaikan kepada pendengar. Ini bertujuan mengelakkan pendengar berprasangka





buruk kepada penutur. Dalam Bahasa Melayu, *bungai jaku* disebut bunga bahasa. Ia adalah ungkapan berbunga yang mempunyai gaya, jenis dan bentuk yang jelas dan sempurna (*Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, 1995, hlm. 286).

*Bungai jaku* terdiri daripada satu atau lebih kata untuk menjadi sebuah ayat serta bersifat eponim, metonimi, metafora dan sebagainya. Ungkapan ini ialah susunan yang indah dan sedap didengar dengan aliterasi, asonansi untuk menggambarkan sesuatu benda atau gejala tertentu (*Ensiklopedia Bahasa Melayu*, 2008, hlm. 200).

Bunga bahasa adalah salah satu sub-topik yang diajar di sekolah rendah dan sekolah menengah. Bunga bahasa ialah pecahan daripada topik utama iaitu *leka main*. Dalam masyarakat Iban, *leka main* ialah puisi dalam bentuk kesusasteraan bahasa Iban yang lahir pada awal peradaban masyarakat Iban (Chemaline, 2006, hlm. 16).

### 1.8.7 *Jaku Dalam*

*Jaku Dalam* ini boleh disamaartikan sebagai aforisme dalam bahasa Melayu dan boleh dipanggil sebagai *proverb* dalam bahasa Inggeris. *Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris – Bahasa Melayu Edisi kedua* (2002, hlm. 966) menjelaskan bahawa *proverbs* ialah golongan kata yang membawa maksud tertentu atau nasihat seperti peribahasa dan bidalan. *Advanced Learner's Dictionary Of Literry Terms* (2000, hlm. 174) menyatakan *proverbs* ialah kenyataan yang pendek dan mempunyai maksud





kebenaran yang umum. Ia juga berkaitan dalam kandungan dan pembentukan pepatah serta aforisme.

Janang et al di dalam buku *Jaku Dalam* (2009, hlm. iv) menyatakan bahawa *jaku' dalam* adalah kata yang merangkumi empat bahagian iaitu *jaku sema*, *jaku sempama*, *jaku silup* dan *jaku rama*. *Jaku Sema* ialah kata yang mempunyai sifat berterus terang tidak bersembunyi dan tidak berteka teki apabila merujuk sesuatu perkara. *Jaku sempama* ialah ungkapan ringkas yang sering digunakan, mempunyai maksud pengajaran dan benar. *Jaku silup* ialah kata yang tidak bersifat berterus terang, bersifat tidak berklausu, tidak bersahutan, dan hanya menggunakan sepatuh dua kata sahaja.



## 1.9 Kesimpulan

Keseluruhan bab satu telah membincangkan tajuk kajian sehingga ke definisi operasional. Masyarakat Iban dalam konteks *bungai jaku* bahasa Iban ialah tidak memahami perbezaan antara *jaku sema* dan *jaku silup*. Penggunaan frasa yang sukar dan mempunyai masalah dalam mengenal pasti tema dan fungsi *jaku sema* dan *jaku silup* adalah antara sebab kajian ini perlu diselidik. Oleh yang demikian, amatlah penting bagi pengkaji untuk mengupas tajuk kajian ini.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

29

Menghuraikan tema, mengenal pasti ciri-ciri, dan menjelaskan fungsi adalah perkara-perkara utama yang dirungkaikan. Perkembangan bahasa dalam pelbagai bidang seperti bidang sosial, pendidikan dan media massa adalah penyebab utama penutur Iban kurang mengguna pakai bahasa sendiri iaitu bahasa Iban. Keadaan ini menjadi masalah kepada pengkaji untuk mencari penutur Iban yang arif dengan penggunaan bahasa terutamanya *jaku sema* dan *jaku silup* dalam penggunaan bahasa Iban.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi